



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 24 MAC 2019**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR   | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI                     |
|-----|--|--|
| 1.  | SIM TZE TZIN: THE OUTLOOK OF AGRICULTURE INDUSTRY IS GOOD, NEWS, CHINA PRESS -C7                 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 2.  | PEMBENIHAN AWAN BANTU GOLONGAN PETANI, NEWS, SINAR HARIAN -35                                    |  |
| 3.  | 70 BABY TURTLES HEAD BACK HOME TO THE SEA, NATION, STAR -5                                       | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA                         |
| 4.  | NELAYAN PERAH KERINGAT PENDATANG KAUT UNTUNG, ESKKLUSIF, BH                                      | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)              |
| 5.  | NELAYAN TERPAKSA JUAL KEPADA TAUKE, LAPORAN KHAS, BH -7  |  |
| 6.  | HARGA MENINGKAT EKORAN RANTAIAN BEKALAN PANJANG, LAPORAN KHAS, BH -6                             |  |
| 7.  | GENERASI USAHAWAN TANI, EKSPRESI, METRO -47  | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)     |
| 8.  | PERTANIAN TUNAI PENDEKATAN BAHARU, CETUSAN, SINAR HARIAN -12                                     | LAIN – LAIN  |
| 9.  | PULAU BANGGI BERPOTENSI JADI PENGETUAR PRODUK PERTANIAN, PERIKANAN, TEMPATAN, HARIAN EKSPRESS -3 |  |
| 10. | DURIAN EXPORTER INCREASE PRODUCTION TO MEET CHINA DEMAND, NEWS, THE SUN DAILY -5                 |  |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

|            |   |             |                     |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline   | Sim Tze Tzin: The outlook of agriculture industry is good |             |                     |
| MediaTitle | China Press (Northern)                                    |             |                     |
| Date       | 24 Mar 2019   | Color       | Full Color          |
| Section    | News  | Circulation | 167,000             |
| Page No    | C7  | Readership  | 501,000             |
| Language   | Chinese   | ArticleSize | 439 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A   | AdValue     | RM 6,346            |
| Frequency  | Daily   | PR Value    | RM 19,037           |



■ “技术教育展”将于本月31日举行，谭国基（左4起）、王如汉、沈志勤、达菲克、古马及陈顺安，鼓励人们踊跃响应。

## 沈志勤：用科技發展農業有大好前景

（槟城23日讯）农业及农基工业部副部长沈志勤说，只要懂得善用科技，现代农业也可以有很好的前景，现今有工程师和律师等专业职业人士，都转投农业发展。

“在雪州，就有年轻工程师利用科技掌控灌溉和施肥系统，开辟了辣椒种植事业，即使人在海外，通过手机就能远程打理菜园。”

因此他说，若青年中五毕业后不想念大学，大可转向技术性质课程，如投入农业发展，一样有前途。

沈志勤也是公正党峇央峇鲁区国会议员，他今日在槟州技术发展机构（PSDC），召开“技术教育展”记者会时，这么说。

他指出，根据教育部数据，国内只有约40%的中五毕业生上大学，60%的毕业生结束中学学业后，就停止深造。

“我对这个现象有点担心，未来很多工作不再需要人力，比如便利店和戏院等，

已不再需要柜台，消费者可使用电子钱包付款。”

因此他呼吁青年，若中五毕业后不想念大学，大可转向技术性质的课程，学习一技之长。政府也有不少免费技术课程，其他培训学院也提供奖学金及津贴等。

### 鼓勵讀技術課程

该教育展由峇央峇鲁国会、PSDC及马来西亚人力局联办，本月31日（周日）早上10时至下午4时，在PSDC举行。

为鼓励人们踊跃响应，当天首300人获赠礼品，还有幸运抽奖，首奖和次奖是平板电脑，详情可联络012-485 0728。

出席记者会者包括公正党峇都蛮区州议员古马、PSDC工程学院院长谭国基、农业部农业技术培训部副总监达菲克、马来西亚人力局工业培训学院项目主任王如汉、沈志勤助理陈顺安等。

|                   |  |                    |                     |
|-------------------|--|--------------------|---------------------|
| <b>Headline</b>   | <b>Pembenihan awan bantu golongan petani</b> |                    |                     |
| <b>MediaTitle</b> | <b>Sinar Harian (Pantai Timur)</b>           |                    |                     |
| <b>Date</b>       | 24 Mar 2019                                  | <b>Color</b>       | Full Color          |
| <b>Section</b>    | News   | <b>Circulation</b> | 160,000             |
| <b>Page No</b>    | 35   | <b>Readership</b>  | 509,000             |
| <b>Language</b>   | Malay  | <b>ArticleSize</b> | 202 cm <sup>2</sup> |
| <b>Journalist</b> | N/A  | <b>AdValue</b>     | RM 1,601            |
| <b>Frequency</b>  | Daily  | <b>PR Value</b>    | RM 4,804            |



## ***Pembenihan awan bantu golongan petani***

**SHAH ALAM** - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dengan kerjasama Jabatan Meteorologi akan melaksanakan operasi pembenihan awan dalam tempoh terdekat mengikut penentuan masa dan keadaan.



Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, tindakan tersebut adalah untuk membantu memulihkan kawasan tanaman padi yang terjejas akibat fenomena kemarau. "Ilok kemelut bekalan air ini berterusan, bimbang lebih ramai petani akan terjejas sekali gus menyebabkan jumlah kawasan tanaman padi meningkat."

"Setakat ini, direkodkan lebih 7,440 hektar kawasan tanaman padi yang diusahakan oleh 2,555

petani di bawah kendalian Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) di Kelantan terjejas teruk kesan kemarau melanda," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dalam pada itu, Salahuddin memberitahu, pihak kementerian juga mengambil inisiatif mewujudkan sistem penggiliran bekalan air mengikut tempoh tertentu ke petak sawah di bawah seliaan KADA, Kelantan.

"Sebanyak empat unit pam so-

kongan dan seunit pam floating dibekalkan kepada para petani.

"Selain menampung keperluan air, pam-pam berkenaan akan turut mengagihkan air ke 242 unit pam bergerak dan 212 unit pam backward di setiap jajahan," jelasnya.


Bukan itu sahaja, golongan petani juga dibekalkan diesel bagi tujuan menggerakkan pam-pam yang disediakan kementerian termasuk pam persendirian.



SALAHUDDIN

# 70 baby turtles head back home to the sea

By LEW JIA XIAN  
jiaxian@thestar.com.my



place they are released when they are matured after 15 to 20 years to lay eggs.

GEORGE TOWN: Seventy baby turtles happily made their way into the sunset after they were released at a beach at Teluk Kumber, Bayan Lepas, a week after they were hatched.

State Fisheries Department director Noraisyah Abu Bakar said the Olive Ridley Sea turtles or better known as penyu lips are an endangered species which is near extinction.

"Turtles are sensitive animals and we have to make sure that they are released in safe condition. Turtles usually come back to the

"They can remember the longitude and latitude of the location they are released. "We usually set them free at the beach, so that they will remember the process better and come back to lay eggs in the future," she told reporters on Friday.

Noraisyah added that the turtles could travel as far as the Maldives and Indonesia but come back here to lay eggs.

  
**Watch the video**  
**thestarTV.com**

Flipping good time: The crowd excitedly taking pictures of the baby turtles as they make their way into the ocean at Teluk Kumber, Bayan Lepas Penang.

TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA  
SURAT

24/3/2019

BERITA  
HARIAN

EKSKLUSIF



Nelayan perah keringat

# Pendatang kaut untung

Laporan Mohd Azis Ngah → Ms.6/7

| TARIKH    | MEDIA         | RUANGAN      | MUKA SURAT |
|-----------|---------------|--------------|------------|
| 24/3/2019 | BERITA HARIAN | LAPORAN KHAS | 7          |



Suparni membeli enjin bot ketika ditemui di jeti nelayan Sungai Besar, Sabak Bernam, baru-baru ini.

Saya tidak berhutang, jadi saya bebas nak jual kepada sesiapa saja. Saya boleh jual pada harga lebih tinggi sedikit daripada harga ditetapkan tauke, namun harganya tetap jauh lebih murah berbanding harga di pasar. Justeru, ramai pelanggan yang datang membeli ikan di jeti!"

Suparni Puang,  
Nelayan



## Nelayan terpaksa jual kepada tauke

Kuala Lumpur: Berbutang dengan tauke atau perah antara punca menyebabkan nelayan terpaksa menjual hasil tangkapannya mereka kepada orang tengah walaupun sedar harga ikan dibekalkan mereka berkali ganda lebih tinggi apabila dijual di pasar borong atau runcit.

Selain terikat dengan tauke, mereka juga lebih gemar menjual terus ikan kepada perah yang siap sedia menunggu di jeti kerana menganggapnya lebih mudah berbanding terpaksanya menunggu pelangan.

Ketika wartawan BH cuba memhubungi beberapa nelayan di sekitar Sungai Besar dan Sabak Bernam, Selangor baru-baru ini, hampir semua tidak berikan 'membuahkan mulut' apabila diajukan persoalan mengenai peranan orang tengah.

Cuma, Suparni Puang, 58, yang langat memperkatakan isu berkenaan kerana dia nelayan pantai yang tidak terikat dengan tauke.

"Saya tidak berhutang, jadi saya bebas nak jual kepada sesiapa saja. Saya boleh jual pada harga lebih tinggi sedikit daripada harga ditetapkan tauke, namun harganya tetap jauh lebih murah berbanding harga di pasar. Justeru, ramai pelanggan yang datang membeli ikan di jeti," katanya ketika ditemui di Jeti Pantai Kampung Nelayan, Sungai Besar.

Beliau yang popular dengan panggilan Wak Supar dan menjadi nelayan sejak 45 tahun lalu berkata, ramai rakannya terpaksa menjual hasil tangkapannya kepada tauke kerana kesempatan wang untuk membayar kos membalik enjin bot yang rosak serta penyelenggaraan peralatan termasuk bot dan pukat.

Kira-kira 30 nelayan yang mendirai di jeti itu kebiasaannya akan membawa pulang tangkapan ikan senangin, sembilang dan udang.

Wak Supar berkata, situasi mereka berbeza dengan nelayan laut dalam yang dibayai tauke besar dan meraih keuntungan berkali ganda, sekali gun boleh pengaruh harga di pasaran.

Mengulas isu itu, Pengurus Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Hamid Bahari mengakui, harga ikan mahal itu turut berpunca daripada tindakan orang tengah yang mengaut untung kira-kira 60 peratus berbanding harga di jeti.

"Rantai yang cukup panjang menyebabkan harga ikan mahal. Sekalan ikan bertukar tangan banyak kali sebelum sampai kepada pengguna. Walaupun mereka mungkin ambil untung RM2 setiap kilogram (kg), jika pemborong peraih dan peruncit kaut untung RM2, kosnya akan meningkat sebanyak RM6.

"Pengguna yang akan tanggung beban itu. Sebab itulah kita galakkan pengguna dapatkan terus bekalan daripada nelayan di pasar nelayan. Harga hampir sama dengan harga dijual kepada pemborong," katanya sambil menambah, harga akan turus meningkat jika ikan dihantar ke luar kawasan pendaratan kerana membutuhkan kos pengangkutan dan proses sejuk beku.

Secara anggaran, nelayan pantai perlu menanggung kos lebih RM100 sehari, termasuk kos petrol, makanan dan upah awak-awak, bermakna perlu meraih hasil minimum lebih 20kg sehari untuk purata keuntungan RM100. Ia belum mengambil kira kos selenggara peralatan dan risiko pulang tanang kosong disebabkan faktor cuaca atau bot rosak.

Sementara itu, Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadil mengaku wujud orang tengah yang mengaut untung berlebihan.

"Masalah ini wujud sejak dulu dan masyarakat mempersoalkan kenapa kerajaan tidak mampu kawal harga."

Ia cuma boleh dikawal KPDNHEP (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Percutian 2011.

"Namun LKIM berperanan merangsang kawalan harga bekalan ikan. Jika kami dapat memastikan bekalan mencukupi, harga akan dapat dikawal, namun ia ditentukan juga faktor lain termasuk pasaran semasa," katanya.

● Kenapa nelayan terus bergantung kepada orang tengah? Iku3 isporta hasil temu bual BH bersama nelayan, esok.

## LAPORAN KHAS

### RANTAIAN HARGA IKAN KEMBUNG DI PASAR BORONG KUALA LUMPUR



GRAFIK B

| TARIKH    | MEDIA         | RUANGAN      | MUKA SURAT |
|-----------|---------------|--------------|------------|
| 24/3/2019 | BERITA HARIAN | LAPORAN KHAS | 6          |



Pasar Borong Selayang menjadi tumpuan pengguna mendapatkan hasil laut.

## Harga meningkat ekoran rantaian bekalan panjang

• Komisen pekerja pasar borong terpaksa ditanggung pengguna

Oleh Mohd Aziz Ngah  
azis@bh.com.my

Kuala Lumpur

**N**asib nelayan yang saban hari memerah keringat memastikan bekalan ikan berterusan untuk rakyat, kekal tidak berubah apabila pulangan diterima masih tidak seberap, malah jauh lebih rendah daripada pendapatan dirahfah pendatang asing yang menjual hasil laut itu di pasar borong.

Hasil dinjuran BH di Marang, Terengganu dan Sungai Besar, Selangor mendapat bagi ikan kembung, nelayan hanya dibayar antara RM6.50 hingga RM10 oleh peraih bagi setiap kilogram (kg). Peraih kemudian mengambil untung RM2 dan menjualnya pada harga RM8.50 hingga RM12 kepada pemborong.

Di Pasar Borong Kuala Lumpur di Selayang contohnya, harga borong yang menjadi 'rahsia terbuka' dalam kalangan pemborong dan pekerja sepatutnya hanya RM13 setiap kg, tetapi penjual pula yang rata-ratanya pendatang asing dari Myanmar yang dipercayai dibayar gaji oleh pemborong atau penyewa lot

di pasar itu mengambil pula komisen sehingga RM1.50.

Itu menjadikan harga meningkat kepada RM14.50 ketika dibeli peniaga runcit yang kemudian menjualnya pada harga antara RM16 hingga RM22 kepada pengguna, meyakinkan beza harga jualan dari peringkat nelayan sehingga pengguna adalah antara RM10 hingga RM16.

Harga ikan kembung bergantung kepada lokasi ia dijual di pasaran runcit, boleh mencerek RM22 setiap kg di pasar Putrajaya dan antara RM18 hingga RM20 di pasar sekitar Shah Alam.

**Mampu radah komisen RM4,500 sebulan**

Di Pasar Borong Kuala Lumpur yang menjadi pusat pengumpulan ikan utama bagi Lembeh Klang, terdapat 80 lot niaga khusus untuk menjual pelbagai hasil laut. Setiap tauke atau penyewa lot menjual lebih lima jenis ikan termasuk purata 100kg ikan kembung sehari, bermakna penjual atau pekerja mereka mampu meraih komisen sehingga RM4,500 sebulan.

Jika komisen pada kadar sama diambil atas empat jenis hasil laut lain yang juga dijual pada purata 100kg sehari, pendatang asing terabit mampu meraih sehingga RM22,500 sebulan dicampur komisen bagi ikan kembung, tidak termasuk gaji harian dibayar tauke.

Rantaian transaksi pembekalan ikan yang melalui beberapa lapisan daripada nelayan kepada pemborong sehingga peniaga di pasar borong sebelum ke pasaran runcit, menyebabkan harga hasil laut itu meningkat berkali ganda dan akhir-

nya ditanggung oleh pengguna.

Ikan di pasar borong berkenaan juga dijual dalam kuantiti tinggi, purata minimum 10kg bagi setiap jenis untuk pasaran kedai runcit, pasar atau pasar raya. Jika penjual ikan atau pekerja pasar meraih komisen RM1.50 bagi setiap kg ikan kembung, tauke pula mengangut hasil lebih besar, antara RM4.50 hingga RM5.

Jumlah komisen diperoleh pekerja warga asing itu bagaimanapun dipercayai jauh lebih tinggi kerana turut mengambil komisen bagi jenis ikan yang lain.

Walaupun harga ikan tidak tetap kerana mengikut harga pasaran semasa, jumlah keuntungan dijana pemborong serta pendatang asing yang menjual ikan tidak jauh berbeza, lebih besar berbanding pendapatan nelayan yang memperoleh antara RM6.50 hingga RM8 atau RM10 setiap kg.

Kos akibat peningkatan berganda harga ikan kerana rantai pembekalan yang panjang serta komisen untuk pekerja di pasar borong, akhirnya ditanggung pengguna yang terpaksa membayar berkali ganda lebih tinggi berbanding harga di peringkat nelayan.

Tinjauan BH di Pasar Borong Kuala Lumpur, berlaku jam 12 tengah malam sehingga pasar ikan ditutup pada jam 10 pagi, mendapat aktiviti mengutip komisen atau dirujuk 'cukai tambahan' itu dianggap perkara biasa. Ketika sesi menjual ikan ditutup, hanya sebahagian kecil ikan berbalik, namun fa dikatakan akan dijual semula apabila sesi dibuka semula jam 10 malam.



(Foto LUQMAN HAKIM ZUBIR / BH)



Nelayan turut menjual hasil laut kepada peniaga pasar awam Sungai Besar

**FAMILI**

Zalisa Sazwan  
zalswa@hmetro.com.my

Kira-kira 20 tahun lalu, ketika ramai anak muda memilih bekerja makan gaji kerana memperoleh pendapatan tetap, Mohd Khairul Nizam Mohd Amin membuat pilihan sebaliknya dan menutuskan untuk bergiat dalam pertanian.

Minatnya dalam pertanian tumbuh berikutnya ketika kecil, Mohd Khairul Nizam, 39, yang berasal dari Parit Yusof, Muar, Johor, sering mengikuti bapanya, Mohd Amin Abdullah, berniaga di pasar tani Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di sekitar daerah berkenaan.

Hatinnya seronok melihat orang ramai berkunjung ke gerai bapanya dan membeli pelbagai hasil tanaman - kebanyakannya produk kampung. Bertitik tolak dari situ, Mohd Khairul Nizam mempelajari selok-belok berniaga, namun pada masa sama beliau juga belajar bercucuk tanam.

"Saya meneruskan pekerjaan bapa menjual hasil tanaman di pasar tani selepas beliau bersara. Malah, pada masa sama saya juga mengerjakan tanah yang ada dengan tanaman ubi kayu, keladi dan keledek."

"Sebagai generasi kedua yang mengusahakan aktiviti pertanian, saya beranggapan bekerja sendiri adalah peluang menjanjikan pendapatan lebih lumayan, di samping waktunya yang fleksibel."

"Bagi saya yang dibesarkan dengan hasil pertanian, bidang ini

# GENERASI USAHAWAN TANI

Anak peniaga pasar tani kini gigih berladang nanas untuk eksport ke pasaran antarabangsa



**Mohd Khairul Nizam (tiga kiri)** menjayakan Timbalan Ketua Pengarah FAMA, Mansor Omar (tiga kanan) yang menjawat gerai nonosnya.



NANAS kini ditanamkan secara komersial.

banyak potensi pendapatan lumayan jika ditusahakan dengan betul dan bersungguh-sungguh," katanya.

Dalam memajukan aktiviti pertanian dijalankannya supaya seliring dengan permintaan pasaran, Mohd Khairul

Nizam mengusahakan tanaman nanas dengan bantuan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM).

"Saya ingin menyahut seruan LPNM yang menggalakkan ramai kebun mengusahakan tanaman nanas berikutnya

pihak berkenaan menyasarkan pengeluaran pelbagai jenis nanas di negara ini menjelang 2020 dalam usaha menjadikan Malaysia antara pengeluar nanas terbesar dunia."

"Difahamkan, ketika ini negara masih tidak dapat memenuhi banyak

permintaan untuk mengeksport buah berkenaan terutama dari China.

"Saya merebut peluang yang diberikan dan menanam pelbagai jenis nanas seperti Moris Gajah, MD2, Josapine dan Moris. Sebelum ini kita tanam nanas untuk dimakan sendiri saja, namun sebenarnya ia boleh dipasarkan sehingga ke peringkat antarabangsa," katanya.

Malah, FAMA juga banyak membantu dari segi pemasaran dan menerusi program sedia ada membolehkan pekebun kini menjadi pemborong serta pengeksport. Bagaimanapun, Mohd Khairul Nizam tidak bersendirian dalam mengkorversialkan tanaman nanas itu apabila usaha berkenaan turut dijalankan bersama isteri, Mazura Adri, 35.

"Dua adik saya iaitu Mohd Hafiz, 27, dan Mohd Sazwan, 23, serta adik ipar, Muhammad Effendi, 27, turut membantu terutama dalam kerja pemasaran. Kami sering menyertai program anjuran FAMA di seluruh negara bagi menggalakkan orang ramai membeli nanas tempatan."

"Antara program disertai ialah jualan terus dari ladang (JTDL) yang menawarkan produk segar dengan jaminan kuahaliti baik pada harga lebih rendah berbanding pasaran," katanya.

Bagaimanapun, katanya, mereka tidak tertumpu pada jualan nanas saja apabila turut bertindak sebagai peraih tanaman lain dan menjualnya di pasar tani.

| TARIKH    | MEDIA        | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|---------|------------|
| 24/3/2019 | SINAR HARIAN | CETUSAN | 12         |

# Pertanian tunai pendekatan baharu



AKADIR JASIN

**A**ntara tajuk paling banyak dan kerap saya bincangkan dalam tulisan saya ialah pertanian, khususnya pengeluaran makanan.

Isu ini tidak akan berakhiri malah akan sentiasa berkembang dan berubah selagi ada manusia, haiwan, bulan dan matahari kerana selagi ada manusia dan haiwan makanan diperlukan.

Dunia sedang mengalami krisis makanan meruncing. Di satu pihak kita mengalami kekurangan makanan sehingga terjadi kebuluran manakala di pihak yang lain berlaku kelebihan yang membazirkan.

Adakah kita tahu semakin ramai petani kecil di negara membangun hilang punca pendapatan kerana kebanjiran hasil pertanian murah dari Amerika dan Eropah? Tidak masuk akal tetapi benar kerana subsidi negara kaya kepada petani mereka.

Kita pun sudah mula merasa kesan krisis ini walaupun tidak seburuk di sesetengah negara

kerana kita masih mampu mengimport makanan bagi menampung kekurangan dalam negara.

Namun begitu kita terpaksa membayar harga yang lebih tinggi akibat permintaan dunia yang melebihi bekalan bagi sesetengah jenis makanan. Begitu juga jika kadar mata wang kita jatuh.

Mungkin belum banyak orang tahu bahawa kerajaan PH, selepas mengambil alih pemerintahan negara 10 bulan lalu, telah mula mengambil langkah radikal bagi merombak pertanian negara, khususnya membabitkan pengeluaran makanan.

Ini adalah langkah menyeluruh bagi mengatasi masalah harga dan bekalan makanan, pada masa sama menangani masalah pendapatan petani, khususnya yang bergantung kepada padi, getah dan kelapa sawit.

Kerajaan cuba mengatas ketidakcukupan pendapatan ini dengan memperkenalkan pelbagai bentuk subsidi dan bantuan kewangan tetapi tidak pernah mencukupi.

Ambil contoh menanam padi yang mendapat subsidi baja dan subsidi harga padi sejak pertengahan tahun 1970-an. Mereka tetap miskin. November lalu ke-

rajaan menaikkan subsidi harga padi daripada RM300 satu tan kepada RM360.

Kenaikan seperti itu membantu petani daripada segi pendapatan tetapi tidak semestinya di segi pengeluaran kerana amalan pertanian yang semakin tidak produktif dan infrastruktur pengairan yang tidak lengkap.

Ini ditambah pulak oleh perubahan demografi dalam kalangan pesawah di mana banyak petani asal tidak ada lagi atau terlalu uzur untuk turun ke sawah.

Ini menyebabkan sebahagian besar sawah dipajak dan dikerjakan buruh asing. Dalam erti kata lain, pesawah yang miskin berbagi kemiskinan dengan buruh asing yang lari daripada kemiskinan negara mereka.

Kata Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, dulu buat bendang guna kerbau. Mereka ada kerbau. Sekarang mereka guna traktor. Tapi traktor bukan milik mereka tapi sewa.

Selain itu, akibat subsidi kepada petani harga beras dalam negara lazimnya lebih tinggi berbanding harga antarabangsa sebagaimana sudah beberapa tahun dunia mengalami lebihan pengeluaran beras.

Pendekatan kerajaan PH ialah petani tidak boleh bergantung kepada satu jenis tanaman. Mereka perlu mengubah sebahagian tanah mereka kepada tanaman jangka pendek yang mudah ditukar ganti bergantung kepada keadaan cuaca, kesesuaian tanah dan permintaan pasaran.

Ironinya, peneroka idea tanaman campuran secara sistematis, saintifik dan komersial ini adalah Pengurus Majlis Penasihat Kerajaan (CEP), Tun Daim Zainuddin. Hal ini terciptu setelah beliau mendengar pandangan dan berkongsi maklumat dengan orang ramai semasa 100 hari tempoh tugas majlis tersebut.

Dr Mahathir pun turut melawat projek-projek seperti itu yang sedia ada dan kini yakin bahawa sistem pelbagai tanaman - termasuk ternakan - perlu dilaksanakan secara besar-besaran.

Secara peribadi, berdasarkan pengalaman sebagai anak pesawah dari Kedah, saya awal lagi memberi arahan mengenai ketidaklestarian kegiatan ekonomi pertanian kerana terlalu bergantung kepada kebiasaan dan bukan kepada pasaran.

Saya juga komited bahawa kesejahteraan sebuah negara

bermula dengan kecukupan makanan pada kadar harga yang termampu.

Dari padah apa yang saya lihat selama ini dan yang baru-baru ini saya dengar daripada Dr Mahathir, Daim dan rakan-rakan di agensi pertanian seperti Mardi, saya yakin pertanian campuran ini boleh memberi pendapatan tambahan kepada petani, mengurangkan pengantungan import dan memperbaiki kesuburan tanah.

Syaratnya pendekatan baharu ini hendaklah holistik dan berpusukan permintaan pasaran di mana khidmat pengembangan (extension services) merupakan faktor penting kerana petani perlu diberikan ilmu dan pengetahuan baharu untuk berubah daripada cara tradisional kepada moden.

Dan jangan sekali-kali macam lepas-lepas taitu sekadar hangat-hangat tahi ayam. Walahuaklam.

Datuk A Kadir Jasin  
Tokoh Warisan Negara

|             |  |             |                     |
|-------------|--|-------------|---------------------|
| Headline    | Pulau Banggi berpotensi jadi pengeluar produk pertanian, perikanan |             |                     |
| Media Title | Harian Ekspres (KK)  |             |                     |
| Date        | 24 Mar 2019  | Color       | Black/white         |
| Section     | Tempatan   | Circulation | 25,055              |
| Page No     | 3  | Readership  | 75,165              |
| Language    | Malay  | ArticleSize | 137 cm <sup>2</sup> |
| Journalist  | N/A  | AdValue     | RM 291              |
| Frequency   | Daily (EM)   | PR Value    | RM 873              |



## Pulau Banggi berpotensi jadi pengeluar produk pertanian, perikanan

KUDAT: Pulau Banggi yang kini didiami oleh kira-kira 30,000 orang berpotensi untuk dibangunkan sebagai antara pengeluar produk pertanian dan perikanan Sabah sekali gus meningkatkan sioekonomi penduduknya.

Anggota Dewan Undangan Negeri Banggi Mohammad Mohamarin berkata pulau berkeluasan 440.7 kilometer persegi itu **seual untuk tanaman mangga, kelapa dan nanas**.

Pada masa ini tanaman itu hanya ditamam secara kecil-kecilan sebagai sumber makanan sendiri, katanya kepada Bernama di sini.

Menurutnya, usaha membangunkan kegiatan itu telah disuarakan kepada Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah Datuk Junz Wong yang melawat pulau berkenaan baru-baru ini.

Dari segi perikanan pula, Mohammad yang juga Pembantu Menteri Pelajaran dan Inovasi Sabah, berkata sektor penerangan ikan dalam sangkar serta balat perlu diperluas menerusi bantuan agensi kerajaan negeri dan persekutuan.

Turut dirancang ialah pembukaan pusat penginapan termasuk inap desa bagi menggalakkan lagi sektor pelancongan pulau itu yang menerima kedatangan pelawat domestik menerusi perkhemmatan feri harian yang menghubungkan Pulau Banggi dan pekan Kudat, katanya.

Pulau Banggi yang berstatus daerah kecil merupakan pulau ketiga terbesar di negara ini dan mempunyai 90 buah kampong dengan penduduk terdiri daripada suku kaum Bonggi, Ubian, Kagayan, Bajau Laut dan Suluk.

Segala aktiviti utama pulau bertumpu di pekan Karakit yang menempatkan jeti, Pejabat Daerah Kecil Banggi, rumah rehat kerajaan, klinik kesihatan, balai polis serta sebuah hotel selain inap desa yang diusahakan penduduk. Pulau itu juga mempunyai beberapa buah sekolah rendah dan sebuah sekolah menengah. – Bernama

|            |  |             |            |
|------------|--|-------------|------------|
| Headline   | Durian exporter increases production to meet China demand                    |             |            |
| MediaTitle | The Sun Daily ( <a href="http://www.thesundaily.my">www.thesundaily.my</a> ) |             |            |
| Date       | 24 Mar 2019  | Color       | Full Color |
| Section    | NEWS   | Circulation | 5          |
| Order Rank | 5  | Readership  | 6          |
| Language   | English  | ArticleSize | N/A        |
| Journalist | N/A  | AdValue     | RM 2,000   |
| Frequency  | Daily  | PR Value    | RM 6,000   |

## Durian exporter increases production to meet China demand

KUALA LUMPUR: Newleaf Plantation Bhd, a major exporter of durians, plans to meet an expected increase in demand from China by expanding its acreage by more than 400 ha within the year. The company currently has only 20.2 ha of the premiere varieties Musa...

*To read the rest of the article, click **[View Full Article](#)***